

Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Yang Rendah di Kalangan Mahasiswa/i Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan bagi Semester Disember 2005-Mei 2006

Muhammad Shukri Salleh, Meer Zhar Farouk bin Amir Razli
dan Mohd Zahari Yusoff
Pensyarah Pengurusan
Universiti Teknologi MARA Kampus Kelantan,
Bukit Ilmu,
18500 Machang, Kelantan
farouk955@kelantan.edu.my

Abstrak: Matlamat kajian adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar yang rendah. Kedua, kajian juga mengkaji apakah faktor-faktor yang akan meningkatkan lagi pencapaian pelajar-pelajar ini. Ketiga, kajian mengkaji apakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar lelaki dan wanita. Keempat, kajian juga melihat perkaitan pencapaian akademik pelajar dengan tahap pergaulan mereka. Sample kajian terdiri daripada 92% atau 88 orang pelajar daripada semester 2 sehingga 7 diploma dan ijazah yang mempunyai pencapaian Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) kurang daripada 2.35 di UiTM Kampus Kelantan. Instrument kajian adalah satu soal selidik yang diedar kepada sampel kajian. Data dianalisa dan diproses dengan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 12.0. Hasil kajian menunjukkan 84.1% peratus responden meletakkan tahap sangat tinggi dan sederhana kepada tidak menguasai teknik belajar dengan sempurna, 79.6 % responden meletakkan tahap sangat kuat sehingga sederhana kepada faktor daya fokus yang rendah. Ini menyebabkan pelajar ini gagal mendapat keputusan yang baik.

Katakunci: Akademik, pencapaian, faktor-faktor, rendah.

Pengenalan

Kemasukan pelajar yang semakin meningkat ke universiti menunjukkan negara telah bersedia untuk menjadi sebuah negara maju. Namun begitu keputusan pelajar yang kurang memberangsangkan telah menjadi satu persoalan yang sangat sukar dirungkai. Kadang kala pelajar yang cemerlang di peringkat sekolah rendah tidak mampu cemerlang di peringkat sekolah menengah. Manakala pelajar yang cemerlang di sekolah menengah pula tidak cemerlang di peringkat universiti. Secara umumnya terdapat terlalu banyak pembolehubah yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar.

Secara umumnya terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar iaitu faktor luaran (external factor) dan faktor dalaman (internal factor). Faktor luaran merupakan desakan dan elemen luar yang mendorong dan membantu pelajar untuk berjaya. Manakala faktor dalam adalah merupakan sikap dan usaha pelajar itu sendiri untuk berjaya.

Namun begitu kecemerlangan pelajar banyak juga bergantung kepada pelbagai faktor. Faktor kejayaan pelajar tidak sahaja bergantung kepada faktor diri sendiri atau dalaman (internal) tetapi juga faktor luaran(external). Ini kerana kejayaan mahasiswa dan mahasiswi di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) bukan sahaja bergantung kepada dirinya sahaja tetapi juga, sistem pendidikan, rakan-rakan, kemudahan, ibu-bapa dan persekitaran.

Kecemerlangan Akademik.

Kecemerlangan akademik merupakan suatu indikator penting yang membuktikan pencapaian dan tahap kemahiran pelajar dalam bidangnya. Ini merupakan asas penting yang akan dilihat oleh majikan untuk mengambil pekerja. Di universiti pencapaian akademik dinilai dengan menggunakan Purata Nilai Gred (PNG) atau Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK).

Menurut Mohammad Shatar (2005) konsep kecemerlangan akademik pelajar di pengaruhi oleh 4 faktor utama iaitu **kemahiran bahasa, aktiviti sukan, personaliti dan imej diri dan persatuan**. Namun begitu beliau juga menekankan kepentingan pensyarah (tenaga pengajar) dalam memastikan kesemua faktor-faktor berjaya. Beliau juga telah menyatakan selain daripada faktor diri sendiri pelajar faktor luaran seperti persekitaran dan pensyarah juga penting kearah kecemerlangan pelajar.

Menurut Azizi Hj Yahaya, et. al., (2005) **gaya pembelajaran** mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Dan beliau juga menyatakan gaya pembelajaran ini dipengaruhi oleh bangsa, tahap pendidikan tertinggi, pekerjaan bapa, lokasi tempat kediaman serta pencapaian akademik responden.

Noor Saliza dan Zulkafli(2005) mengatakan bahawa **corak pembelajaran, sikap, tiada kemahiran belajar serta kurang dorongan** merupakan faktor utama permasalahan pelajar yang lemah. Ini jelas menunjukkan elemen ini merupakan faktor penyumbang kepada kecemerlangan pelajar. Menurut mereka juga dalam kajian Mohamad Shatar (Metro, 9 November 2003) pula mendapati **sikap malas** merupakan faktor utama pelajar bumiputera tidak cemerlang dalam akademik. Mereka juga telah merujuk kepada Syed Hussein Alatas (Utusan Melayu, 20 Mei 2001) yang menyatakan antara kegagalan pelajar Melayu adalah **sikap pelajar yang tidak gemar membaca dan berbelanja pada perkara tidak penting, kurang dorongan keluarga dan pensyarah, serta pengaruh rakan-rakan**.

Che Halimah dan Abd Latif (2005) membuktikan bahawa dorongan **berautonomi yang tinggi** akan menunjukkan kompetensi tanggapan yang tinggi dan mereka akan menunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang. Dengan kata lain pelajar yang diberi kuasa (atau ruang) untuk membuat keputusan dan membuat sesuatu dengan cara sendiri akan mendapat keputusan yang lebih cemerlang daripada pelajar yang suka diarah atau dipantau dengan rapi untuk membuat sesuatu.

Rosini Abu, et al., pula menyatakan bahawa **personaliti** mempunyai mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan pencapaian akademik pelajar. Dalam kajian ini, personaliti telah diwakili dengan 7 dimensi iaitu, **motivasi, keyakinan, konsep sendiri, perhubungan dengan orang lain, kebimbangan, fokus dan emosi**. Beliau juga menyatakan Ackerman dan Heggsted (1997) menyatakan individu yang mempunyai **ciri personaliti, kebijaksanaan dan minat** dalam vokasional yang berbeza untuk berjaya dalam peperiksaan.

Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

1. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar PNGK 2.35 ke bawah.
2. Mengenalpasti item-item yang paling banyak mempengaruhi pencapaian pelajar.
3. Mengetahui faktor utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar ini.

Persoalan Kajian

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar PNGK 2.35 ke bawah.
2. Apakah faktor utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar ini?
3. Apakah faktor luaran lebih banyak mempengaruhi daripada faktor dalaman?.

Metodologi dan Instrumen

Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan. Sejumlah 88 daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mendapat PNGK 2.35 dan ke bawah iaitu 110 orang. Mereka ini terdiri dari pelbagai program dan tahun yang terlibat dalam penyelidikan ini. Pengumpulan data dibuat menggunakan soalselidik untuk melihat hubungan diantara faktor diri sendiri, persekitaran, keluarga, rakan, pensyarah, sistem pengajaran dan pembelajaran, bahasa inggeris dan faktor-faktor lain. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang telah diberikan pada Kursus Kecemerlangan Pelajar 2.3 yang diadakan di Kem Petra Peringat, Kota Baru, Kelantan

Data daripada soalselidik yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 14.0. Data daripada soalselidik telah dianalisis dengan menggunakan kaedah diskriptif dan korelasi. Instrument kajian menggunakan 32 instrument yang menampilkan persoalan yang menggunakan 5 skala likert iaitu 1: sangat lemah, 2: lemah, 3: sederhana, 4: kuat dan 5: sangat kuat. Item-item ini dikategorikan kepada 7 faktor yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar iaitu disiplin diri, persekitaran, keluarga, rakan, pensyarah, sistem pengajaran dan pembelajaran, dan bahasa inggeris.

Penyelidik juga mencapai data demografik daripada responden seperti CGPA, jantina, umur, program, semester, negeri dan daerah asal, jangka masa berada di UiTM, tahap pergaulan dan tahap keyakinan mengekalkan prestasi. Pencapaian akademik responden diukur dengan purata nilai gred kumulatif. Penerangan ketujuh-tujuh dimensi adalah seperti berikut:

Disiplin diri: Bahagian ini mempunyai 6 item. Ia cuba mengukur tahap disiplin diri pelajar, tahap memfokus dan memberikan tindakbalas atau responden di dalam kelas serta hubungan dan kekerapan responden bertanya dalam kelas dan sebagainya.

Persekitaran: Bahagian ini mempunyai 3 item. Ia cuba mengukur faktor persekitaran seperti bilik, masalah kewangan, dan kebolehan menyesuaikan diri dengan keadaan.

Keluarga: Bahagian ini mempunyai 3 item: Iaitu dorongan dan nasihat daripada keluarga, tiada masalah keluarga serta dorongan kuat daripada ibu-bapa.

Rakan: Bahagian ini mengukur tahap kepentingan rakan sebilik dan rakan sekelas seta pasangan dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Ia mempunyai 4 item.

Pensyarah: Bahagian ini mempunyai 3 item. Ia bertujuan untuk melihat adakah pensyarah mempengaruhi pencapaian pelajar cemerlang ini.

Sistem pengajaran dan pembelajaran: Bahagian ini mempunyai 4 item dan cuba mengukur adakah sistem pengajaran dan pembelajaran di UiTM ini mempengaruhi mereka mendapatkan keputusan yang cemerlang.

Bahasa Inggeris. Bahagian ini terdiri dari satu item sahaja. Ia cuba mengukur pendapat dan kesan Bahasa Inggeris kepada pencapaian pelajar cemerlang ini.

Dapatan kajian

Dapatan menunjukkan kajian terdiri daripada 88 orang responden yang mempunyai pencapaian PNGK kurang daripada 2.35 di UiTM Kelantan. Responden merupakan pelajar diploma dan ijazah daripada pelbagai kursus yang terdiri daripada semester 2 hingga 7 yang mengikuti Kursus Kecemerlangan bagi semester Disember 2005 – Mei 2006. Kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik yang rendah di kalangan mahasiswa/i UiTM Kelantan dan juga mengkaji faktor-faktor yang akan meningkatkan lagi pencapaian-pencapaian pelajar-pelajar ini.

Responden terdiri daripada 50.0 peratus pelajar perempuan dan 50.0 peratus pelajar lelaki yang majoriti berumur 19 tahun dan ke atas. 35.2 peratus pelajar yang mempunyai PNGK kurang 3.25 adalah dari kursus Diploma Perakaunan (DIA) dan 30.7 peratus adalah daripada kursus Pengajian Perniagaan (DBS). Peratusan tertinggi responden adalah berasal dari negeri Terengganu iaitu sebanyak 47.7 peratus dan diikuti dengan negeri Kelantan dengan peratusan sebanyak 12.5 peratus. Peratusan pelajar yang tinggal di kampung adalah tinggi iaitu sebanyak 33.0 peratus dan tidak kurang juga responden yang tinggal di bandar iaitu sebanyak 38.6 peratus.

Jadual 1: Profile Program Pelajar

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
DIA	13	11.8	11.8	11.8
DBS	6	5.5	5.5	17.3

DIB	19	17.3	17.3	34.5
CS	28	25.5	25.5	60.0
IS	9	8.2	8.2	68.2
AD	6	5.5	5.5	73.6
BBA	14	12.7	12.7	86.4
BSC.CS	15	13.6	13.6	100.0
Total	110	100.0	100.0	

Seterusnya, hasil data menunjukkan 80.7 peratus responden adalah terdiri daripada pelajar semester dua dan ke bawah dan 55.7 peratus adalah mempunyai tahap pergaulan yang baik iaitu suka bergaul dan 35.2 peratus lagi adalah sederhana dalam tahap pergaulan mereka. Jadual di bawah menunjukkan faktor-faktor kurang disiplin diri, tidak fokus dalam pelajaran dan malu hendak bertanya yang diuji ke atas responden.

Jadual 2: Kurang Disiplin Diri

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Sangat Lemah	7	8.0	8.0	8.0
Lemah	11	12.5	12.5	20.5
Sederhana	51	58.0	58.0	78.4
Kuat	15	17.0	17.0	95.5
Sangat Kuat	4	4.5	4.5	100.0
Total	88	100.0	100.0	

Jadual 3: Tidak fokus dalam pelajaran

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
sangat lemah	4	4.5	4.5	4.5
Lemah	14	15.9	15.9	20.5
Sederhana	54	61.4	61.4	81.8
Kuat	13	14.8	14.8	96.6
Sangat Kuat	3	3.4	3.4	100.0
Total	88	100.0	100.0	

Merujuk kepada jadual 2, Data menunjukkan responden meletakkan 58.0 peratus sederhana dalam mempunyai disiplin diri malah 17.0 peratus lagi meletakkan kuat kurang disiplin diri yang merupakan salah satu faktor yang menyebabkan mereka mendapat PNGK kurang daripada 2.35. Responden juga meletakkan sederhana dalam memberi tumpuan mereka ketika berada di dalam kelas iaitu sebanyak 61.4 peratus dan dikukuhkan lagi dengan peratusan sebanyak 14.8 peratus responden kuat untuk tidak fokus dalam pelajaran.

Jadual 4: Malu hendak bertanya

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Sangat Lemah	5	5.7	5.7	5.7
Lemah	18	20.5	20.5	26.1
Sederhana	39	44.3	44.3	70.5

Kuat	18	20.5	20.5	90.9
Sangat Kuat	8	9.1	9.1	100.0
Total	88	100.0	100.0	

Selain itu, jadual 4 menunjukkan 44.3 peratus responden meletakkan sederhana untuk faktor malu hendak bertanya ketika berada di dalam kelas manakala 20.5 peratus meletakkan kuat untuk faktor malu hendak bertanya ketika berada di dalam kelas dan keadaan ini dapat menguatkan lagi bukti kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian mereka. Seterusnya, dapatan juga menunjukkan faktor selalu lewat ke kelas bukan merupakan faktor utama menyebabkan pencapaian mereka rendah kerana responden meletakkan peratusan yang sederhana dan sangat lemah iaitu pada kadar 34.1 dan 30.7 peratus.

Jadual 5: Tidak menguasai teknik belajar dengan sempurna

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Sangat Lemah	3	3.4	3.4	3.4
Lemah	11	12.5	12.5	15.9
Sederhana	50	56.8	56.8	72.7
Kuat	19	21.6	21.6	94.3
Sangat Kuat	5	5.7	5.7	100.0
Total	88	100.0	100.0	

Jadual 6: Tidak gemar kursus yang diambil

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Sangat Lemah	20	22.7	22.7	22.7
Lemah	15	17.0	17.0	39.8
Sederhana	38	43.2	43.2	83.0
Kuat	11	12.5	12.5	95.5
Sangat Kuat	4	4.5	4.5	100.0
Total	88	100.0	100.0	

Penyebab seterusnya pencapaian pelajar yang rendah pencapaian akademik adalah disebabkan oleh diri mereka sendiri seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 5 diatas. Mereka tidak dapat menguasai teknik belajar dengan sempurna. Majoriti responden meletakkan sederhana dan kuat dengan peratusan sebanyak 56.8 peratus dan 21.6 peratus disebabkan oleh faktor tersebut. Jadi, faktor tidak dapat menguasai teknik belajar dengan sempurna mempengaruhi pencapaian mereka. Data juga menunjukkan 43.2 peratus responden berada pada tahap sederhana untuk tidak menggemari kursus yang diambil serta 22.7 peratus lagi sangat lemah dan tidak disebabkan oleh mereka tidak gemar kursus yang diambil.

Faktor persekitaran juga diambil kira dalam menentukan pencapaian akademik para pelajar. Hasil kajian menunjukkan faktor keadaan bilik yang tidak selesa juga merupakan penyebab kepada pencapaian mereka yang tidak memuaskan. Responden meletakkan 43.2 peratus sederhana untuk keadaan bilik yang tidak selesa, sebaliknya 27.3 peratus lagi

meletakkan lemah iaitu keadaan kelas yang tidak selesa bukanlah penyebab mereka mendapat keputusan yang rendah. Keadaan yang sama juga dapat dilihat untuk faktor tekanan kewangan yang dihadapi oleh para pelajar. Responden hanya meletakkan sederhana dengan peratus sebanyak 34.1 peratus menghadapi tekanan kewangan sebaliknya 27.3 peratus responden lemah atau tidak menghadapi tekanan kewangan kerana majoriti pelajar-pelajar UiTM Kelantan mendapat pinjaman PTPTN.

Pencapaian yang rendah pelajar-pelajar diploma dan ijazah juga dapat dipengaruhi oleh faktor tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran. Hanya 44.3 peratus sahaja yang meletakkan sederhana tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran tetapi 31.8 peratus lagi meletakkan sangat lemah iaitu para pelajar dapat menyesuaikan diri mereka dengan perubahan persekitaran dan ia tidak memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka.

Kajian juga menguji keadaan hubungan responden dengan keluarga sebagai penyebab kepada pencapaian mereka mendapat PNGK yang rendah iaitu mengenai faktor tekanan dari keluarga, masalah keluarga dan kurang dorongan daripada ibubapa. Hasil data menunjukkan ketiga-tiga faktor ini tidak mempengaruhi pencapaian mereka kerana separuh daripada responden meletakkan 50.0 peratus sangat lemah bagi kedua-dua faktor yang menunjukkan tekanan daripada keluarga dan masalah keluarga tidak mempengaruhi keadaan pencapaian mereka yang rendah itu. Malah 55.7 peratus responden lagi mendapat dorongan yang baik daripada keluarga mereka tetapi masih mendapat keputusan yang rendah juga didalam peperiksaan. Jadi, faktor keluarga tidak dapat mempengaruhi pencapaian akademik yang mereka perolehi.

Selain daripada faktor diri, persekitaran dan keluarga, faktor rakan juga dijadikan salah satu faktor yang menyebabkan para pelajar UiTM Kelantan mendapat keputusan 2.35 ke bawah. Responden meletakkan 39.8 peratus sederhana dalam menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan rakan-rakan dan 22.7 peratus lagi meletakkan sangat lemah dan lemah iaitu faktor masalah mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan rakan-rakan tidak mempengaruhi pencapaian mereka yang rendah PNGK.

Pelajar-pelajar diploma dan ijazah juga tidak mempunyai masalah dengan rakan sebilik mereka kerana hasil data menunjukkan responden meletakkan 33.0 dan 30.7 peratus lemah dan sederhana iaitu faktor-faktor rakan sebilik tidak membantu bukan merupakan sebab-sebab yang menyebabkan mereka mendapat keputusan yang rendah malah rakan sekelas yang tidak membantu juga bukan penyebab pencapaian mereka menjadi rendah. Seterusnya, majoriti responden iaitu pada peratusan sebanyak 60.2 peratus meletakkan sangat lemah iaitu mempunyai masalah dengan pasangan tidak memberi kesan kepada pencapaian mereka yang mendapat PNGK yang rendah. Tetapi sejumlah 20.5 peratus lagi meletakkan sederhana iaitu mempunyai masalah dengan pasangan yang menyebabkan pencapaian mereka rendah.

Faktor pensyarah juga dikaji dalam mengenalpasti sebab-sebab lain mengapa pencapaian pelajar rendah. Responden meletakkan 40.9 peratus sederhana pensyarah kurang membantu mereka yang menyebabkan mereka mendapat keputusan yang rendah. Selebihnya, 34.1 peratus lagi mengatakan lemah iaitu pensyarah kurang membantu tidak

menyebabkan mereka mendapat keputusan yang rendah. Sama juga halnya dengan kaedah pembelajaran yang kurang menarik, separuh daripada responden meletakkan sederhana untuk faktor tersebut manakala lemah dengan 22.7 peratus kaedah pembelajaran kurang menarik bukan penyebab mereka mendapat keputusan yang rendah.

Seterusnya, responden meletakkan peratusan sederhana iaitu 39.8 peratus yang mengatakan pencapaian mereka menjadi rendah disebabkan oleh tidak berminat dengan sikap atau cara pensyarah. Walau bagaimanapun, 30.7 peratus lagi mengatakan lemah iaitu faktor tidak minat dengan sikap atau cara pensyarah bukanlah penyebab mereka mendapat keputusan yang rendah.

Jadual 7: Pengajaran yang terlalu fokus peperiksaan

Petunjuk	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Sangat Lemah	11	12.5	12.5	12.5
Lemah	16	18.2	18.2	30.7
Sederhana	43	48.9	48.9	79.5
Kuat	15	17.0	17.0	96.6
Sangat Kuat	3	3.4	3.4	100.0
Total	88	100.0	100.0	

Jadual 8: Pembelajaran dalam Bahasa Inggeris

Petunjuk	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Sangat Lemah	9	10.2	10.2	10.2
Lemah	13	14.8	14.8	25.0
Sederhana	41	46.6	46.6	71.6
Kuat	13	14.8	14.8	86.4
Sangat Kuat	12	13.6	13.6	100.0
Total	88	100.0	100.0	

Merujuk kepada jadual 7 dan 8 faktor terakhir yang diuji untuk mengenal pasti sebab-sebab pelajar UiTM Kelantan mendapat pencapaian akademik yang rendah ialah sistem pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan Bahasa Inggeris di dalam kelas. Hasil kajian juga mendapati responden meletakkan tahap sederhana untuk sistem pengajaran di UiTM tidak memuaskan dengan peratusan sebanyak 39.8 peratus dan 30.7 peratus lagi meletakkan lemah iaitu mereka berpendapat sistem pengajaran di UiTM memuaskan dan tidak mempengaruhi pencapaian mereka yang rendah.

Sebanyak 46.6 peratus sederhana dan 23.9 peratus lemah kepada faktor sistem pemarkahan membebankan pelajar dan ini bermaksud pencapaian akademik yang rendah tidak disebabkan oleh sistem pemarkahan yang membebankan mereka. Keadaan yang sama juga dapat dilihat dari segi faktor kurang penggunaan alat bantuan mengajar yang juga dikategorikan sederhana sebanyak 48.9 peratus dan lemah dengan peratusan 23.9 peratus bukan merupakan penyebab utama kepada pencapaian akademik yang rendah.

Sistem pengajaran yang terlalu fokus kepada peperiksaan juga memberi impak yang negatif kepada pelajar-pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.25. Ini dapat dilihat daripada dapatan data yang menunjukkan 48.9 peratus responden meletakkan sederhana dan 17.0 peratus lagi meletakkan kuat yang mengatakan pengajaran yang terlalu fokus kepada peperiksaan menyebabkan pencapaian akademik yang rendah di kalangan mahasiswa/i UiTM Kelantan. Akhir sekali, faktor penggunaan Bahasa Inggeris dalam sistem pembelajaran dan pengajaran merupakan faktor-faktor lain yang dikenal pasti menjadi punca pencapaian mereka menjadi rendah. Ini adalah kerana mereka kurang faham dengan pembelajaran dan pengajaran yang di ajar oleh pensyarah dan tidak dapat mengikuti serta memahami kehendak pembelajaran. Ia dapat dilihat dari peratusan yang diletakkan oleh responden sebanyak 46.6 peratus adalah sederhana dan 14.8 peratus lagi adalah kuat.

Kajian juga memberi ruang kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan bawah 2.35 menyenaraikan sebab-sebab lain yang menyebabkan mereka mendapat keputusan PNGK yang rendah. Kebanyakan responden menyatakan mereka mempunyai masalah yang menyebabkan emosi mereka terganggu dan gangguan muzik daripada rakan sebilik juga menyebabkan mereka tidak dapat belajar dengan baik seterusnya mendapat keputusan yang rendah. Selain itu, faktor tidak yakin dengan diri sendiri dan selalu penat kerana terpaksa berjalan jauh untuk berulang alik ke kelas juga merupakan faktor yang menyebabkan mereka mendapat keputusan yang rendah. Tidak kurang juga ada pelajar yang mempunyai sakit saka dan santau dan mempunyai masalah pemakanan yang tidak memuaskan hati mereka.

Selebihnya, faktor pelajar itu sendiri yang malas untuk mengulangkaji pelajaran terutama untuk subjek yang memerlukan pembacaan dan penghafalan ditambah pula dengan bunyi bising burung (terutama pelajar yang tinggal di kolej TAR) serta kekurangan infrastruktur di bilik mereka menguatkan lagi bukti yang menjadi faktor kepada pencapaian mereka yang rendah. Responden juga mencatatkan sebab-sebab lain yang menyebabkan mereka mendapat keputusan yang rendah adalah berkenaan jadual waktu kelas yang terlalu padat dan juga terlalu banyak aktiviti luar yang terpaksa mereka hadiri justeru menyebabkan mereka kekurangan masa untuk mengulangkaji pelajaran dan menyebabkan mereka mendapat keputusan yang rendah.

Hasil kajian juga mendapat respon yang positif daripada pelajar-pelajar yang mendapat PNGK yang rendah yang mana mereka juga menyenaraikan faktor-faktor / perkara-perkara yang membolehkan mereka meningkatkan pencapaian akademik mereka. Dengan berbekalkan disiplin yang tinggi serta menanam minat yang lebih untuk berjaya seperti pelajar-pelajar yang lain serta berusaha dan tidak mudah berputus asa akan membina keyakinan diri serta penerapan program motivasi diri yang tinggi bakal melahirkan semula semangat mereka untuk terus berusaha untuk meningkatkan pencapaian PNGK mereka ke paras yang lebih tinggi setanding dengan pelajar-pelajar yang lain.

Selain itu, responden yang tergolong daripada kumpulan pencapaian PNGK yang rendah juga memerlukan persekitaran bilik dan kampus yang selesa serta mempunyai

hubungan yang baik dengan ibu bapa, rakan, pensyarah dan semua orang di sekitar mereka. Keadaan demikian bakal membantu mereka supaya lebih berusaha dan bersemangat untuk mendorong mereka lebih gigih berusaha dan menghindari faktor-faktor yang dapat mempengaruhi diri mereka daripada mendapat pencapaian akademik yang rendah. Sebagai kesimpulannya, faktor utama yang menyebabkan mereka mendapat pencapaian yang rendah adalah berpunca daripada diri sendiri sama ada mereka bersikap positif untuk berjuang memajukan diri disamping faktor-faktor persekitaran, kawan, keluarga, pensyarah dan lain-lain.

Rajah 9 : Urutan Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Rendah dikalangan Pelajar

Demensi	Item	Mean	Mean Keseluruhan
Bahasa Inggeris	Pembelajaran Dalam Bahasa Inggeris	3.07	3.070
Diri Sendiri	Kurang Disiplin Diri	2.98	2.845
	Tidak Fokus Dalam Pelajaran	2.97	
	Malu Hendak Bertanya	3.07	
	Selalu Lewat Ke Kelas	2.33	
	Tidak Menguasai Teknik Belajar Dengan Sempurna	3.14	
	Tidak Gemar Kursus Yang Diambil	2.59	
Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran	Sistem Pengajaran Uitm Tidak Memuaskan	2.39	2.636
	Sistem Pemarkahan Membebaskan Pensyarah	2.70	
	Kurang Penggunaan Alat Bantuan Mengajar	2.65	
	Pengajaran Yang Terlalu Fokus Peperiksaan	2.81	
Pensyarah	Pensyarah Kurang Membantu	2.38	2.583
	Kaedah Pembelajaran Kurang Menarik	2.85	
	Tidak Minat Dengan Sikap Pensyarah	2.52	
Rakan	Masalah Menyesuaikan Diri Dengan Rakan2	2.51	2.219
	Rakan Sebilik Tidak Membantu	2.32	
	Rakan Sekelas Yang Tidak Membantu	2.28	
	Masalah Dengan Pasangan	1.76	
Keluarga	Tekanan Dari Keluarga	1.88	1.837
	Masalah Keluarga	1.77	
	Kurang Dorongan Keluarga	1.86	

Daripada rajah 9 bolehlah dibuat kesimpulan bahawa faktor yang paling mempengaruhi pencapaian pelajar yang mempunyai PGNK rendah adalah kerana kurang penguasaan Bahasa Inggeris. Manakala yang keduanya adalah sikap dan disiplin diri yang rendah seperti malu bertanya kepada pensyarah, lewat ke kelas, tidak menguasai teknik belajar dan lain-lain.

Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan faktor yang amat mempengaruhi pencapaian pelajar rendah adalah penguasaan Bahasa Inggeris walaupun pembelajaran di UiTM adalah 95% menggunakan bahasa Inggeris kecuali Tamadun Islam. Oleh yang demikian pelajar mestilah berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh untuk memahami apa yang diajar oleh pensyarah dengan merujuk kepada kamus atau pelajar lain yang lebih mahir dalam Bahasa Inggeris. Pensyarah juga mungkin perlu membuat penerangan yang lebih dalam menghuraikan konsep atau perkataan yang jarang didengar oleh pelajar. Menurut Mohammad Shatar (2005) konsep kecemerlangan akademik pelajar di pengaruhi oleh 4 faktor utama iaitu kemahiran bahasa. Ini menunjukkan kemahiran bahasa adalah amat penting dan proses pengambilan pelajar juga mestilah menekankan kepada penguasaan Bahasa Inggeris.

Diri sendiri sememangnya merupakan faktor yang utama menentukan kecemerlangan atau kegagalan seseorang pelajar. Ini kerana pembelajaran di Universiti memerlukan usaha diri sendiri yang lebih tinggi berbanding dengan elemen dorongan dan penolakan. Oleh yang demikian sistem pendidikan mestilah lebih memfokuskan kepada kecemerlangan berfikir dan mengawal diri supaya mencapai kejayaan. Kegagalan diri untuk memahami matlamat institusi untuk mewujudkan pelajar yang mempunyai budaya ” belajar seumur hidup” atau *life long learning* daripada sekolah menengah dan keluarga sebenarnya menyumbang kepada faktor ini.

Sistem Pengajaran dan pembelajaran merupakan penyumbang ke 3 kepada faktor kelemahan pelajar ini. Ini mungkin disebabkan bahan rujukan, buku teks, nota dan pembelajaran di dalam kelas yang menggunakan Bahasa Inggeris menjadi penyebab faktor ini menjadi faktor yang ke tiga. Sistem ini sebenarnya telah banyak membantu pelajar yang mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang sederhana di peringkat sekolah menengah untuk menjadi pelajar yang lebih yakin dengan penggunaan bahasa Inggeris. Masalah penguasaan bahasa Inggeris ini sudah semestinya akan berkurangan dengan dasar kerajaan yang telah mewajibkan penggunaan bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah bagi matapelajaran Matematik dan sains.

Pensyarah seterusnya memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kejayaan pelajar. Sikap pensyarah yang kurang membantu pelajar dan mengajar dengan cara yang tidak menarik atau tidak dapat memenuhi kelompok pelajar ini telah menjadikan golongan pelajar ini gagal belajar dengan berkesan. Walaupun pensyarah telah melalui pelbagai latihan pengajaran dan pembelajaran serta pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan pemantauan terhadap proses pengajaran adalah amat penting. Ini kerana apabila sudah terlalu biasa dengan apa yang diajar kita sering terlupa bahawa kita berhadapan dengan pelajar yang masih baru dan berbeza.

Rakan juga memainkan peranan dalam memberi kesan kepada pencapaian pelajar rendah. Tidak dapat menyesuaikan diri dengan rakan sebilik dan rakan sekelas, rakan yang tidak mahu membantu juga memberi sedikit sebanyak kesan kepada pencapaian pelajar ini.

Ini kerana pada usia remaja rakanlah yang paling dekat dalam hidup remaja. Tambahan pula mereka tinggal berjauhan dengan keluarga. Keadaan ini menjadikan perbezaan watak dan tingkahlaku rakan memberikan kesan yang negatif mahupun positif kepada remaja.

Manakala **keluarga** dikatakan tidak banyak memberi kesan kepada pencapaian pelajar yang rendah ini. Ia juga mungkin menunjukkan para pelajar ini mempunyai hubungan kekeluargaan yang baik dan ibu bapa mereka sentiasa menasihati mereka untuk berjaya.

Kesimpulannya pelajar mestilah memainkan peranan yang paling utama dalam meningkatkan prestasi diri. Pelajar mesti membuat SWOT analisis untuk memastikan kekuatan dan kelemahan diri. Pelajar mesti menjadikan buku sebagai teman terutamanya buku berbahasa Inggeris. Mereka juga mestilah selalu mendengar berita dan menonton filem Inggeris untuk mempelajari bahasanya bukan hanya untuk berhibur. Komunikasi bersama rakan sebilik dan keluarga dalam Bahasa Inggeris juga boleh meningkatkan penguasaan bahasa. Kamus sebagai rakan karib mahasiswa perlu dibudayakan.

Disiplin diri merupakan aspek yang paling penting dalam menentukan kejayaan seseorang. Kelemahan dalam penguasaan bahasa juga sebenarnya berpunca daripada lemahnya disiplin diri. Pelajar perlu mempunyai matlamat yang jelas mengapa mereka berada di Universiti. Mereka perlu memahami apakah harapan ibu-bapa, keluarga, masyarakat dan agama kepada mereka. Yang paling penting adalah pelajar perlu memahami bahawa kejayaan mereka dalam pendidikan adalah untuk diri sendiri. Kerana hanya dengan kejayaan diri sendiri barulah mereka dapat membantu orang lain.

Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Kajian yang dicadangkan pada masa hadapan adalah melihat semua faktor –faktor mempengaruhi kecemerlangan pelajar dengan item yang lebih menyeluruh. Kajian ini juga perlu dibuat dengan membandingkannya dengan faktor dan trend pelajar PGNK kurang daripada 2.35 di IPTA dan IPTS lain. Kerana ini akan memberikan gambaran yang lebih tepat tentang faktor dan tren pembelajaran dan sumber motivasi pelajar.

Penyelidikan dan perbandingan tren faktor kecemerlangan sekolah rendah, menengah dan IPT juga boleh dilakukan untuk mengenal pasti kaedah dan cara pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan lagi jumlah pelajar cemerlang di Malaysia.

Rujukan:

Azizi Hj Yahya, Shahrin Hashim, Ahmad Johari Sihes & Nora Mislan (2005). Orientasi pembelajaran di kalangan pelajar institut pengajian tinggi awam di Malaysia dan implikasi pencapaian dalam akademik. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.

Che Halimah Bt Hassan & Abdul Latif Abdul Rahman (2005). Autonomi dan kompetensi terhadap kecemerlangan pembelajaran : Perspektif teori penemuan diri. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.

Edwards, Peter (1991). Seven keys to successful study. Kuala Lumpur , S. Abdul Majeed & Co.

Mohd Shatar Sabran (2005). Pandangan pelajar terhadap peranan pensyarah ke arah melahirkan pelajar cemerlang. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.

Noor Saliza & Zulkafli Mohd. Yusof (2005). Permasalahan akademik pelajar di Universiti Teknologi MARA: Kajian pengenalan. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.

Rosini Abu, Aida Suraya, Md Yunus, Wan Zah Wan Ali, Ramlah Hamzah, Rohani Ahmad Tarmizi, Habsah Ismail, Syarifah Nor & Kamariah Abu Bakar. (2005). Hubungan antara ciri personaliti dengan pencapaian akademik. 3rd International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement. Malaysia, Langkawi.